KETOKOHAN SYEIKH MUHAMMAD YASIN AL-FADANI (1916 – 1990) DAN SUMBANGANNYA DALAM DISIPLIN PERIWAYATAN SANAD

Oleh :
Mohd. Khafidz bin Soroni[1]
& Mohd. Norzi bin Nasir[2]

Abstrak

Di kalangan ilmuan hadis dari alam Melayu pada abad ke-20 dahulu, muncul nama Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani yang keluarganya berasal dari Padang, Indonesia, namun beliau menghabiskan seluruh hayatnya di Hijaz, Arab Saudi. Namanya cukup dikenal pada zamannya sebagai pemegang sanad hadis tertinggi dan penyimpan hampir keseluruhan sanad-sanad keilmuan yang diwarisi oleh generasi zamannya. Gambaran kegigihan beliau menghimpun jalur-jalur pelbagai sanad keilmuan ini cukup jika dikatakan bahawa jumlah guru-gurunya sahaja mencecah sekitar 700 orang, suatu angka yang nadir didengar pada masa kini. Malah karya-karya beliau mengenainya sahaja berjumlah lebih kurang 70 buah buku. Artikel ini akan cuba memaparkan ketokohan dan sumbangan Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani secara khusus dari sudut disiplin periwayatan sanad.

PENDAHULUAN

Mengenal dan meneladani visualisasi sebenar kehidupan dan keperibadian ulama merupakan antara kaedah penting dalam usaha melahirkan generasi qurani-sunni, bagi meniti kegemilangan ummah pada masa hadapan. Mereka merupakan kader-kader yang tetap teguh di atas asas-asas dan cabang-cabang agama sesuai dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya, berdasarkan

---

[1] Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
[2] Pegawai Penyelidik di Institut Kajian Hadis Selangor (INHAD), dan Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

firman-Nya yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah kalian semua kepada tali Allah (al-Quran) dan janganlah berpecah-belah"[1]. Ulama hadis secara khusus merupakan golongan yang memiliki tingkat kepercayaan yang paling tinggi dalam meyakini manhaj Rasulullah SAW yang cemerlang, serta berjalan di atas laluan yang ditempuh oleh para Sahabatnya, para Tabi'in dan juga Tabi' al-Tabi'in. Melalui mereka hadis Rasulullah SAW terus dipelihara dan dikembangkan ke seluruh pelosok dunia. Semua gerak kerja yang dilakukan oleh mereka adalah demi mempertahankan hadis Rasulullah SAW dari diganggu-gugat oleh musuh-musuh Islam. Meskipun Alam Melayu agak kurang dikenali keterlibatannya dalam lapangan hadis di persada antarabangsa, namun tidak bermakna ia tidak memberikan sumbangan sama sekali terhadap kelangsungan disiplin ilmu hadis. Di kalangan barisan ilmuwan hadis dari Alam Melayu pada abad ke-20 dahulu, muncul nama Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani, atau panggilan Melayunya 'Syeikh Yasin Padang' yang keluarganya berasal dari Padang, Sumatera, Indonesia, iaitu tokoh yang akan dibicarakan dalam tulisan ini serta sumbangan beliau dalam lapangan hadis, khususnya bidang periwayatan sanad.

SYEIKH MUHAMMAD YASIN AL-FADANI (1916 – 1990 M/1335 – 1410 H)

Biografi Ringkas

Nama penuh beliau ialah 'Alam al-Din, Abu al-Fayd, Muhammad Yasin bin Muhammad 'Isa bin Udik al-Fadani al-Makki al-Syafi'i. Gelaran al-Fadani adalah nisbah kepada daerah Padang, Indonesia, kerana keluarganya berasal dari sana. Beliau dilahirkan di al-Misfalah, Makkah al-Mukarramah pada tahun 1335H bersamaan 1916M. Syeikh Yasin al-Fadani mendapat pendidikan awal di Makkah daripada bapanya Syeikh Muhammad 'Isa al-Fadani, dan bapa saudaranya Syeikh Mahmud al-Fadani yang melaluinya beliau belajar al-Qur'an al-Karim. Dalam usia yang awal, Syeikh Yasin al-Fadani telah menghafaz berbagai matan asas bagi ilmu-ilmu Islam.

[1] Surah Ali-'Imran: ayat 103.

Kemudian beliau menyambung pelajarannya di Madrasah al-Saulatiyyah pada tahun 1346H.[1]

Beliau merupakan dari kalangan ulama besar yang pernah mendapat pendidikan di Madrasah Saulatiyyah yang masyhur itu. Beliau kemudian berpindah belajar di Madrasah Dar al-'Ulum al-Diniyyah. Dikatakan beliau merupakan pencetus idea berdirinya madrasah tersebut dan sekaligus menjadi murid pertama madrasah itu di awal penubuhannya. Antara sebab tercetusnya idea untuk membangunkan madrasah berkenaan ialah disebabkan tindakan dan perlakuan mudir Madrasah Saulatiyyah ketika itu yang gemar menyinggung perasaan pelajar-pelajar yang datang dari Asia Tenggara. Hal ini terbukti dengan berpindahnya 120 orang pelajar dari Saulatiyyah ke Madrasah Dar al-'Ulum yang baru didirikan. Situasi seumpama ini hampir tidak pernah berlaku di mana-mana madrasah yang baru dibuka sebelumnya sehinggakan Dar al-'Ulum mendapat murid yang begitu ramai pada masa awal penubuhannya.[2]

Guru-Guru al-Fadani

Syeikh Yasin al-Fadani meneruskan pengembaraannya dalam menimba ilmu secara gigih. Selain menekuni pengajian di Madrasah Dar al-'Ulum, Makkah sehingga tamat pada tahun 1353H, beliau turut gigih ber*talaqqi* dari ramai ulama yang mengajar di Masjid al-Haram dan juga ulama-ulama yang datang berziarah ke Tanah Suci. Syeikh Yasin al-Fadani mempunyai bilangan guru yang sangat ramai, antaranya beliau telah belajar dengan Syeikh 'Umar Hamdan al-Mahrisi, Syeikh Muhammad 'Ali bin Husain al-Maliki, Syeikh 'Umar Ba-junaid, mufti Syafi'iyyah Makkah, Syeikh Sa'id bin Muhammad al-Yamani, dan Syeikh Hassan al-Yamani. Beliau juga menimba ilmu

---

[1] Lihat: Yusuf al-Mar'asyli, Dr., 2006, *'Iqd al-Jawhar fi 'Ulama' al-Rub' al-Awwal min al-Qarn al-Khamis 'Asyar*, berserta kitab: *Nathr al-Jawahir wa al-Durar fi 'Ulama' al-Qarn al-Rabi' 'Asyar*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, jld. 2, hlm. 2147. Ramzi Dimasyqiyyah, 1997, mukadimah *al-Fawa'id al-Janiyyah*, Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr, cet. 1, hlm 5. Anas Ya'qub Kutubi, "*Lamahat min Hayat al-Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani*", dalam akhbar al-Madinah al-Munawwarah, bil. 9567, bertarikh 10 Safar 1414H.

[2] Lihat: Solah Nawadi, "Syeikh Muhammad Yasin 'Isa al-Fadani", dalam: http://solahnawadi.blogspot.com/2007/06/yasin-padang.html, juga dalam blog Taman Ulama : http://tamanulama.blogspot.com/2008/05/syeikh-yasin-isa-al-fadani-dalam.html . Martin van Bruinessen (1999), *Kitab Kuning, Pesantren, dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia,* cet. 3. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan, h. 36-37.

dari Syeikh Muhsin bin ‘Ali al-Musawa al-Falimbani, Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki al-Makki (bapa kepada al-Marhum Sayyid Muhammad bin ‘Alwi al-Maliki al-Makki), Syeikh Hasan al-Masysyat, Syeikh Ahmad al-Mukhallalati, Syeikh Muhammad al-‘Arabi al-Tabbani, Syeikh Muhammad Nur Sayf, Syeikh Amin Kutubi al-Hasani, Syeikh Ibrahim al-Fatani, dan ulama-ulama berpengaruh yang lain.

Manakala antara mereka yang dari luar Tanah Suci pula ialah Syeikh Ahmad bin Rafi‘ al-Tahtawi, Syeikh Muhammad Ibrahim al-Samaluti, Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti‘i, Syeikh Muhammad Hasanayn Makhluf, Syeikh Muhammad al-Hafiz al-Tijani, Syeikh Muhammad al-Khidr Husayn, Syeikh Mahmud bin Muhammad al-Dumi, Syeikh Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri, Syeikh Asyraf ‘Ali al-Tahanawi, Syeikh Mufti Syafi‘ al-Deobandi, Syeikh Ahmad al-Siddiq al-Ghumari, Syeikh ‘Abdullah al-Siddiq al-Ghumari, Syeikh ‘Abd al-Hayy al-Kattani, dan ramai lagi, semoga Allah merahmati mereka semua.[1]

Murid-Murid al-Fadani

Dalam memberi sumbangan keilmuan, Syeikh Yasin al-Fadani aktif mengajar dan memberi kuliah di Masjidil Haram dan juga Dar al-‘Ulum al-Diniyyah, terutama disiplin ilmu hadis. Setiap kali tiba bulan Ramadan, beliau selalu membaca dan mengijazahkan salah satu di antara *al-Kutub al-Sittah* (enam kitab utama hadis). Aktiviti pengajaran ini berlangsung lebih kurang hampir selama 20 tahun.[2]

Murid-murid Syeikh Yasin al-Fadani yang mengambil sanad dari beliau amat ramai jumlahnya. Di antara mereka adalah al-Habib ‘Umar bin Muhammad (Yaman), Syeikh Muhammad ‘Ali al-Sabuni (Syam), Dr. Muhammad Hasan al-Dimasyqi, Dr. ‘Ali Jum‘ah (Mufti Mesir), Syeikh Isma‘il Zayn Al-Yamani, Syeikh Hasan Qatirji, H. M. Zaini Abdul Ghani (Kalimantan), Tuan Guru Haji Abdullah bin Abdul Rahman (Pondok Lubuk Tapah, Kelantan), Tuan Guru Haji Hashim bin Haji Abu Bakar (Pondok Pasir Tumboh, Kelantan), Syeikh Muhammad

[1] Lihat juga senarai kesemua mereka seramai 700 orang dalam: Muntadayat Rawd al-Rayyahin, http://cb.rayaheen.net/showthread.php?tid=23012 .
[2] Anas Ya’qub Kutubi, *op.cit.*

Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki (Maahad Az Zein, Bogor) dan sebagainya.

Kebanyakan murid Syeikh Yasin al-Fadani selain mengambil sanad hadis, secara ijazah am dan khas, mereka juga diberi keizinan untuk mengajar di Dar al-'Ulum. Antara mereka ialah H. Sayyid Hamid Al-Kaff, Dr. Muslim Nasution, H. Ahmad Damanhuri, H. M. Yusuf Hasyim, H. M. Abrar Dahlan dan Dr. Sayyid Agil Husain al-Munawwar, Ustaz Sukarnawadi bin Husnuddu'at, dan lain-lain.[1]

Pujian Para Ulama Terhadap Syeikh Yasin al-Fadani

Keilmuan dan kehebatan Syeikh Yasin al-Fadani mendapat pujian dari ramai para ulama. Kebanyakan mereka memberikan sanjungan tinggi kepada beliau, bahkan ada yang menggubah bait-bait syair untuk mengungkapkan kekaguman mereka terhadap beliau.

Syeikh Zakariyya 'Abdullah Bila, salah seorang ulama Makkah yang masyhur berkata: "Sewaktu saya mengajar *Qawa'id al-Fiqh* di Saulatiyyah, saya seringkali mendapat kesulitan yang memaksa saya menyelak satu demi satu helaian kitab-kitab yang besar bagi merungkai kesulitan tersebut. Namun setelah terbit kitab *al-Fawa'id al-Janiyyah* karangan Syeikh Yasin al-Fadani, segala kesukaran menjadi mudah semuanya, dan bebanan dalam mengajar menjadi ringan".[2]

Dr. 'Abd al-Wahhab Abu Sulaiman, pensyarah pengajian tinggi Universiti Umm al-Qura di dalam kitabnya *al-Jawahir al-Thaminah fi Bayan Adillah 'Alim al-Madinah* berkata: "Syeikh Yasin adalah seorang muhaddith, faqih, mudir Madrasah Dar al-'Ulum, pengarang banyak kitab dan salah seorang ulama Masjid al-Haram".

Syeikh 'Umar 'Abd al-Jabbar melalui pernyataannya dalam akhbar *al-Bilad* terbitan Jumaat, 24hb. Zulkaedah 1379H/1960M berkata:

[1] Solah Nawadi, *op.cit.*
[2] *Ibid.*

"…Bahkan yang terbesar dari amal bakti Syeikh Yasin al-Fadani adalah membuka madrasah puteri (*al-banat*) pada tahun 1362H. Meskipun perjalanannya selalu menghadapi rintangan, namun beliau dapat mengatasinya dengan penuh kesabaran dan ketabahan…".

Sayyid 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Ahdal, salah seorang mufti Yaman pernah menggubah sebuah syair yang dikhususkan memuji Syekh Yasin al-Fadani. Dalam salah satu bait syairnya dia berkata:

أنت في العلم والمعاني فريد * وبعقد الفخار أنت الوحيد

> "Engkau tiada taranya dari segi ilmu dan *ma'ani*, di antara banyak kejayaan yang dibangun orang, kaulah satu-satunya yang berjaya".

Dr. Yusuf 'Abd al-Razzaq, pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar, Mesir juga memuji beliau melalui bait syairnya yang bermaksud : "Engkau di tengah kami seorang terpilih dari orang-orang terhormat, yang tak pernah mata melihat manusia seumpama mereka."

Dr. 'Ali Jum'ah, Mufti Mesir sekarang dalam kitabnya *Hasyiah al-Imam al-Bayjuri 'ala Jawharah al-Tawhid* yang ditahkiknya mengatakan bahawa beliau pernah menerima ijazah sanad dari Syeikh Yasin al-Fadani yang digelarinya sebagai *Musnid al-Dunya*.

Al-Habib Saqqaf bin Muhammad al-Saqqaf (m. 1373H), seorang tokoh ulama dari Hadramaut menceritakan kekaguman beliau terhadap Syeikh Yasin al-Fadani, dan menjulukinya sebagai '*Suyuti Zamanihi*'.

Selain yang tersebut di atas, terdapat banyak lagi pujian para ulama lain terhadap keilmuan dan kehebatan Syeikh Yasin al-Fadani.[1]

---

[1] *Ibid.*

Karya-Karya Syeikh Yasin al-Fadani

Syeikh Yasin al-Fadani termasuk dalam golongan ulama yang mempunyai hasil penerbitan yang sangat banyak, ada yang berjilid-jilid besar dan ada yang hanya berupa risalah kecil sahaja. Karya-karya tersebut pula di dalam berbagai bidang ilmu. Disenaraikan di bawah karya-karya beliau dalam bidang-bidang ilmu selain hadis seperti fiqh, balaghah, usul, falak, mantik dan sebagainya, manakala berkaitan bidang hadis pula akan diperincikan secara khusus dalam bahagian kedua artikel ini:

1 -إتحاف الخلاّن شرح تحفة الإخوان في علم البيان

2 -الكوكب الساطع نظم جمع الجوامع إضاءة النور اللامع شرح

3 -بلغة المشتاق في علم الاشتقاق الشيرازي

4 -بغية المشتاق شرح لمع الشيخ أبي إسحاق

5 -تتميم الدخول: تعليقات على مدخل الوصول إلى علم الأصول

6 -تشنيف السمع مختصر في علم الوضع

7 - تعليقات على شرح منظومة الزمزمي في أصول التفسير

8 - تعليقات على لمع أبي إسحاق الشيرازي في الأصول

9 -تقريب المسلك لمن أراد علم الفلك

10 - جنى الثمر شرح منظومة منازل القمر

11 - حاشية على الأشباه والنظائر في فروع الفقه الشافعي للسيوطي

12 -حاشية على التلطّف شرح التعرّف في أصول الفقه

13 -حاشية على رسالة حجر زاده في علم الوضع

14 - حاشية على القواعد الكبرى للعز بن عبد السلام

15 -حسن الصياغة شرح كتاب دروس البلاغة

16 -الخميلة شرح متوسط على ثمرات الوسلية

17 - الدر النضيد حواشٍ على كتاب التمهيد للإسنوي في أصول الفقه الشافعي

18 - الرسالة البيانية في علم البيان على طريقة السؤال والجواب

19 -رسالة في المنطق

20 - الرياض النضرة شرح نظم اللآلي المنتثرة في المقولات العشرة

21 -شرح على رسالة العضد في الوضع

22 -شرح على منظومة الزُّبَد لابن رسلان في الفقه الشافعي

23 -الفوائد الجميلة شرح كبير على ثمرات الوسيلة

24 -الفوائد الجنية حاشية على المواهب السنيّة على القواعد الفقهية

25 -الكوكب الأنور في أسماء النجوم السماوية

26 - المختصر المهذّب في استخراج الأوقات والقبلة بالربع المُجيّب

27 - منهل الإفادة حواش على رسالة آداب البحث والمناظرة لطاش كبري زاده

28 - نيل المأمول حاشية على لب الأصول وشرحه غاية الوصول

29 -المواهب الجزيلة مِن أزهار الخميلة على ثمرات الوسيلة

Kewafatan dan Kesimpulan

Setelah kehidupan yang penuh dengan ibadah dan sumbangan ilmiah, Syeikh Yasin al-Fadani telah wafat pada pagi hari Jumaat, 28hb. Zulhijah 1410H, bersamaan dengan 21hb. Julai 1990M. Jenazah beliau telah dimakamkan selepas solat Juma'at di permakaman Ma'la, Makkah.[1] Semoga Allah SWT mencucuri rahmat-Nya yang luas ke atas roh beliau, amin.

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan keperibadian tokoh hadis ini dapat dianggap mirip dengan visualisasi keperibadian ulama-ulama hadis yang terdahulu. Kewujudan para ulama hadis sepanjang zaman merupakan satu kurniaan istimewa dari Allah SWT dalam menjaga syariat Nabi-Nya. Sumbangan tidak ternilai mereka yang berupa penyusunan pelbagai kaedah dan metod dalam lapangan ilmu hadis telah berjaya dijadikan garis panduan oleh seluruh sarjana Islam dan digunakan secara ilmiah untuk meneliti kesahihan sesuatu fakta.

Keahlian dan keilmuan Syeikh Yasin al-Fadani dalam lapangan hadis merupakan hasil dari pengetahuan dan pemahaman yang mendalam merentasi pelbagai disiplin ilmu tersebut seperti *naqd al-hadis, al-jarh wa al-ta'dil, ruwat al-hadis, 'ilal al-hadis, fiqh al-hadis* dan lain-lain, dan bukan dari sebuah kejumudan pemikiran dan pemahaman yang dangkal terhadap *turath*. Usaha yang disumbangkan oleh Yasin

---

[1] Lihat : Ramzi Dimasyqiyyah, 1997, mukadimah *al-Fawa'id al-Janiyyah*, Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr, cet. 1, hlm 25. Fayad al-'Absu, *al-Syaykh Muhammad Yasin al-Fadani al-Makki (1916-1990)*, http://fayad-.maktoobblog.com/, Muhammad 'Ali Yamani, *al-Syaykh Muhammad Yasin al-Fadani (1335-1410)*, http://www.makkawi.com/Articles/show.aspx?Id=323, Dr. Yahya al-Ghawthani, *Tarjamah Mukhtasarah li Musnid al-'Asr al-Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani*, http://montada.gawthany.com/vb/showthread.php?t=20557&highlight=%C7%E1%DD%C7%CF%C7%E4%ED.

al-Fadani dan ulama-ulama lain seumpamanya melalui karya-karya agung mereka adalah bukti secara langsung bahawa mereka amat gigih mempertahankan sunnah Rasulullah SAW, sebagai penyampai terakhir wahyu Allah melalui lidah, perbuatan, pengakuan, dan akhlak baginda.

KETOKOHAN DAN SUMBANGAN SYEIKH YASIN AL-FADANI DALAM DISIPLIN PERIWAYATAN SANAD

Kewibawaan al-Fadani Dalam Ilmu Hadis

Ilmuwan hadis Nusantara ini mempunyai kepakaran kelas pertama dalam bidang hadis, selain bidang-bidang ilmu *usul al-hadis*, *usul tafsir, fiqh, usul al-fiqh* dan ilmu falak. Namanya setanding dengan nama-nama ulama hadis terkenal lain, seperti Syeikh Abu al-Tayyib Syams al-Din al-'Azim Abadi, pengarang kitab *'Awn al-Ma'bud* dan Syeikh Muhammad Khalil al-Saharanfuri, pengarang kitab *Badhl al-Majhud*. Kedua-duanya merupakan syarah kitab *Sunan Abi Dawud* yang tidak asing kepada guru-guru, para pelajar dan seluruh pencinta ilmu yang membawa banyak barakah dalam bidang ini. Syeikh Yasin al-Fadani juga turut mensyarah kitab *Sunan Abi Dawud* yang diberi judul *al-Durr al-Mandud*, yang dikatakan setebal 20 jilid. Keluasan ilmu yang dianugerahkan kepadanya dalam bidang hadis, terutama dalam pengkhususan sanad dan *musalsalat* menjadikan beliau digelar sebagai *Musnid al-'Asr* (penyimpan sanad pada zaman ini). Justeru, tidak hairan jika Syeikh Yasin al-Fadani pada masa hayatnya sering menjadi buruan pencinta sanad hadis untuk mendapatkan silsilahnya yang lebih tinggi.[1]

Disiplin Periwayatan Sanad

Sebagaimana diketahui, para ulama telah membahagikan pengajian ilmu hadis kepada dua bahagian, iaitu: ilmu *riwayah al-hadis* dan ilmu *dirayah al-hadis*.[2] Terdapat beberapa takrifan yang diberikan

---

[1] Abdul Hayei Abdul Sukor, Dr., *Muhammad Yassin Isa al-Fadani 1916–1990M/1335–1410H*, http://www.drhayei.com/2010/07/tokoh-islam.html

[2] Lihat contohnya : Muhammad ibn Sa'id ibn al-Akfani (1994), *Irsyad al-Qasid ila Asna al-Maqasid*, Jeddah: Dar al-Qiblah, h. 102. al-Imam Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti (1993), *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*, tahkik Syeikh 'Irfan 'Abd al-Qadir Hassunah, Beirut: Dar al-Fikr, h. 12-13. Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi (1993), *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadis*, tahkik

oleh para ulama bagi kedua-dua jenis ilmu ini. Namun di sini secara rumusan, penulis memilih takrifan Dr. Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi kerana berpendapat takrifan tersebut lebih tepat. Menurut beliau, ilmu *riwayah al-hadis* ialah; ‘ilmu mengenai kaedah-kaedah yang dapat diketahui dengannya hal keadaan perawi dan hadis yang diriwayatkan’.[1] Manakala takrifan yang tepat bagi ilmu *dirayah al-hadis* menurut beliau ialah ; ‘ilmu yang membahaskan tentang makna yang difahami daripada lafaz-lafaz hadis, dan tentang maksud daripadanya, berdasarkan kaedah-kaedah bahasa Arab dan batasan-batasan syar‘i, serta bersesuaian dengan hal ehwal Nabi SAW’.[2]

Secara ringkas berdasarkan takrifan-takrifan tersebut, ilmu *riwayah al-hadis* ialah ilmu yang berkaitan dengan sanad dan matan hadis. Manakala ilmu *dirayah al-hadis* pula ialah ilmu yang berkaitan dengan matan hadis semata-mata, iaitu secara khusus berkaitan tentang fiqh/kefahaman teks hadis.[3] Dalam tulisan ini pula akan membincangkan ketokohan dan sumbangan Syeikh Yasin al-Fadani khusus dalam bidang periwayatan sanad yang merupakan sebahagian dari ilmu *riwayah al-hadis*. Beliau telah menghasilkan sekitar 70 buah karya berkaitan tentangnya yang akan dibincangkan dalam tulisan ini. Manakala dalam ilmu *dirayah al-hadis* pula, Syeikh Yasin al-Fadani telah menghasilkan beberapa buah kitab yang sebahagiannya agak besar berjilid-jilid, iaitu;

١- الدر المنضود شرح سنن أبي داود
٢- فتح العلاّم شرح بلوغ المرام من أدلة الأحكام لابن حجر العسقلاني
٣- شرح الجوهر الثمين في أربعين حديثاً من أحاديث سيد المرسلين للعجلوني
٤- شرح المسلسل بالعترة الطاهرة

Muhammad Bahjah al-Baytar, Beirut: Dar al-Nafa’is, c. 2, h. 77. Haji Khalifah (1992), *Kasyf al-Zunun ‘an Asami al-Kutub wa al-Funun*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 635. Siddiq Hasan Khan al-Qinnawji (1987), *al-Hittah fi Dhikr al-Sihah al-Sittah*, Beirut : Dar al-Jil, h. 140.

[1] Dr. Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi (2003), *‘Ulum al-Hadis Asiluha wa Mu‘asiruha*, Selangor: Dar al-Syakir, h. 7.

[2] *Ibid.*, h. 9.

[3] *Ibid.* Di antaranya ialah ilmu *mukhtalif al-hadis* (percanggahan antara hadis), ilmu *musykil al-hadis* (kemusykilan pada hadis), ilmu *nasikh al-hadis* dan *mansukh al-hadis* (hadis yang memansuh dan yang dimansuh), ilmu *gharib al-hadis* (kalimah-kalimah janggal dalam hadis), ilmu *asbab wurud al-hadis* (sebab-sebab pengucapan hadis) dan ilmu *al-bu‘d al-zamani wa al-makani fi al-hadis* (kondisi masa dan tempat dalam hadis).

Namun sayangnya, kitab syarah beliau *al-Durr al-Mandud*, yang dikatakan setebal 20 jilid telah hilang semasa hayat beliau lagi. Menurut Syeikh Mahmud Sa'id Mamduh dalam *Tasynif al-Asma' bi Syuyukh al-Ijazah wa al-Sama'*: "Saya pernah melihat sebahagian darinya di dalam perpustakaan peribadi beliau". [1]

Ketokohan Dan Sumbangan al-Fadani

Berpandukan takrifan ilmu *riwayah al-hadis* di atas, iaitu; 'ilmu mengenai kaedah-kaedah yang dapat diketahui dengannya hal keadaan perawi dan hadis yang diriwayatkan', dapat difahami bahawa skop ilmu ini adalah lebih luas berbanding ilmu *dirayah al-hadis*, dan termasuk juga padanya ilmu *mustalah al-hadis*. Namun, huraian perbahasan dalam tulisan ini adalah mengenai ketokohan dan kewibawaan Syeikh Yasin al-Fadani dalam salah satu cabang ilmu tersebut, iaitu disiplin periwayatan sanad. Justeru penekanan perbahasannya adalah tertumpu kepada ilmu sanad, periwayatannya serta cabang-cabangnya, iaitu makna zahir dari segi bahasa bagi ilmu *riwayah al-hadis*. Maka dengan maksud tersebut, ketokohan dan sumbangan Syeikh Yasin al-Fadani ini dapat dilihat daripada sudut-sudut berikut;

1. Kegigihan ber*talaqqi* dengan guru dan menghimpun sanad-sanad mereka

Syeikh Yasin al-Fadani adalah seorang yang gigih ber*talaqqi* (berguru secara berhadapan) dalam menimba ilmu dan menghimpunkan sanad-sanad periwayatan daripada alim ulama di zaman beliau. Tinggalnya beliau di Tanah Suci Makkah memudahkan beliau bertemu dengan ramai alim ulama Islam, sama ada dari Tanah Suci sendiri mahupun dari pelbagai pelosok dunia yang datang ke Tanah Suci, seperti dari Syria, Lubnan, Palestin, Yaman, Mesir, Maghribi, Iraq, Pakistan, Rusia, India, Indonesia dan juga Malaysia sehingga terkumpullah di sisi beliau pelbagai macam sanad periwayatan ilmu dan hadis. Dikatakan, keseluruhan guru-guru yang beliau pernah temui atau beliau utuskan surat untuk meminta ijazah berjumlah

[1] Lihat : Mohd. Khafidz bin Soroni, *Juhud al-'Ulama' al-Muslimin fi Syarh Kutub al-Hadis fi al-Qarn al-Rabi' 'Asyar al-Hijri*, dalam Prosiding Mu'tamar 'Alami 'an Manahij Tafsir al-Qur'an wa Syarh al-Hadis, 21-22 Jamadil Akhir 1427H, UIAM.

sekitar 700 orang.[1] Menurut Dr. Yahya al-Ghawthani, beliau memperolehi isnad hadis daripada lebih 700 syeikh, dan ia merupakan satu jumlah yang memang sukar ditandingi.
Jumlah yang besar ini menjadikan ketokohan Syeikh Yasin al-Fadani dalam ilmu *riwayat al-hadith* tidak ada tolok bandingnya di kalangan ulama mutaakhirin dunia Islam, kecuali Syeikh ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir al-Kattani (m. 1382H), seorang ahli hadis besar daripada Maghribi. Dikatakan kedudukan beliau adalah sebagai pengganti selepas daripada Syeikh ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir al-Kattani, yang juga merupakan gurunya dan pengarang kitab *Fihris al-Faharis wa al-Athbat*, di mana guru-guru ijazah beliau berjumlah sekitar 500 orang.[2] Maka tidak hairanlah jika ada yang menjoloki Syeikh Yasin al-Fadani dengan gelaran ‘*Musnid al-Dunya*’ atau ‘*Musnid al-‘Asr*’.

Mengetahui hal tersebut, maka ramailah para penuntut ilmu yang datang kepada beliau bagi ber*talaqqi* dan mendapatkan sanad-sanad periwayatan. Ratusan, bahkan ribuan murid-murid beliau, sama ada dari dalam mahupun dari luar Tanah Suci kemudian bertebaran di berbagai pelosok dunia membawa sanad-sanad periwayatan daripada beliau menjadikan namanya cukup dikenali di kalangan pencinta-pencinta sanad. Sebagai rekod dan penghargaan, ada di antara mereka yang mendokumenkan *manaqib* dan sanad-sanad periwayatan beliau di dalam buku-buku khusus, antaranya ialah;

1 - إعلام القاصي والداني ببعض ما علا من أسانيد الفاداني، جمعه تلميذه محمود سعيد ممدوح.
2 - تشنيف الأسماع بشيوخ الإجازة والسماع، أو إمتاع أولي النظر ببعض أعيان القرن الرابع عشر، جمعه تلميذه محمود سعيد ممدوح (وهو في تراجم بعض مشايخ الفاداني وقد حوى 230 ترجمة)
3 - بلوغ الأماني في التعريف بشيوخ وأسانيد مسند العصر الشيخ محمد ياسين محمد عيسى الفاداني، جمعه تلميذه محمد مختار الدين الفلمباني.

---

[1] Anas Ya’qub Kutubi, “*Lamahat min Hayat al-Syaykh Muhammad Yasin al-Fadani*”, dalam akhbar al-Madinah al-Munawwarah, bil. 9567, bertarikh 10 Safar 1414H. Mukadimah Dr. Yusuf al-Mar‘asyli bagi kitab *al-Rawd al-Fa’ih wa Bughyah al-Ghadi wa al-Ra’ih fi Ijazah Muhammad Riyad al-Malih* oleh Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani. Lihat juga senarai kesemua mereka dalam: Rawd al-Rayyahin, http://cb.rayaheen.net/showthread.php?tid=23012

[2] ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir al-Kattani, 1982, *Fihris al-Faharis wa al-Athbat*, c. 2, tahqiq: Dr. Ihsan ‘Abbas, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, j. 1, h. 58.

4- الثمر الداني في مقروءات ومسموعات ومرويات شيخنا الفاداني، بقلم الدكتور يحيى بن عبد الرزاق الغوثاني.

5- إتحاف الخاص والعام باتصالات الفاداني بشيوخ الشام، للدكتور يحيى الغوثاني

2. Penyusunan, penyelenggaraan dan penerbitan kitab-kitab berkaitan sanad-sanad periwayatan

Sanad merupakan suatu keistimewaan khusus bagi ummah ini. Jika tujuan sanad pada awal dahulu adalah untuk memastikan kesahihan riwayat sesuatu hadis, namun ilmu sanad kemudiannya berkembang sama sepertimana ilmu-ilmu Islam yang lain, sehingga ia menjadi suatu seni yang tersendiri. Cuma bezanya, syarat yang ketat dan penelitian yang tegas terhadap perawi-perawi pada peringkat awal dahulu telah dilonggarkan pada peringkat mutakhir, iaitu apabila kebanyakan hadis sudah direkod dan dibukukan oleh para ulama hadis. Justeru kemudiannya, ramai ulama mutaakhirin yang membenarkan pengijazahan sanad serta meriwayatkannya berdasarkan ijazah tersebut semata-mata tanpa perlu ber*talaqqi* penuh.

Tradisi periwayatan secara bersanad diteruskan sehingga kini kerana ia adalah satu kemuliaan dan keistimewaan bagi umat Islam (خصوصية من خصوصيات الأمة) yang dapat dilihat dari sudut-sudut berikut;

1. Merupakan satu kemuliaan dalam rantaian pertalian yang bersambungan sampai kepada Rasulullah SAW, sebagaimana dikatakan; (وكفى في الاتصال بالحبيب شرفا) .
2. Merupakan satu *iqtida’* (mencontohi) dengan para salafus-soleh dalam tradisi belajar dan mengajar, sebagaimana dikatakan; (إنّ التشبه بالكرام فلاح).
3. Merupakan satu syiar agama dan kebanggaannya, serta ia menjadi suatu jati diri dan ikatan ilmu yang hanya dimiliki oleh umat Islam, sebagaimana dikatakan; (الإسناد من الدين).
4. Merupakan satu jalinan kukuh bagi khazanah ilmu Islam, sebagaimana dikatakan; (إن الأسانيد أنساب الكتب).

5. Merupakan satu rahmat dan barakah, sebagaimana dikatakan; (عند ذكر الصالحين تنزل الرحمة).

Realiti menyaksikan usaha memelihara kesinambungan sanad ini yang mudah-mudahan berterusan sehingga ke hari kiamat kelak. Antara bukti menunjukkan bahawa para ulama semenjak dahulu mengambil berat mengenai periwayatan sanad ialah perbincangan tentang ilmu *al-tahammul wa al-ada'* (pembawaan dan penyampaian riwayat) dalam ilmu *ulum al-hadis*, serta turut dibincangkan juga tentang adab-adab muhaddith dan juga penuntut hadis. Perkara ini dapat dirujuk dalam hampir kesemua kitab-kitab *ulum al-hadis* yang disusun. Hanya pengembaraan-pengembaraan getir ahli hadis dalam mencari sanad sahaja yang berakhir, iaitu dalam kurun ke-6 hijrah, di mana semua riwayat telah dibukukan dalam *al-Jawami'*, *al-Sihah*, *al-Sunan*, *al-Masanid*, *al-Ma'ajim*, *al-Ajza'*, *al-Fawa'id*, *al-Masyyakhat* dan lain-lain.

Setelah kurun itu, para ulama hadis terus berusaha memelihara sanad ini sehingga ada sebahagian mereka yang membukukannya di dalam kitab-kitab khusus. Perhatian terhadap pengumpulan sanad ini kemudian terus bertambah di kalangan ulama hadis sehingga dikatakan hampir tiada seorang ulama hadis pun melainkan ia mempunyai kitab sanad yang merekodkan sanad-sanadnya dan juga biografi semua atau sebahagian syeikhnya. Kitab-kitab mereka ini disebut dengan berbagai istilah iaitu *masyyakhah*, *barnamij*, *fihris*, *thabat* dan juga *mu'jam*. Riwayat-riwayat mereka dalam mempelbagaikan kesenian sanad tidak hanya sekadar pada kitab-kitab hadis sahaja, malah ia melangkau sehingga pada kitab-kitab tafsir, fiqh, usul, akidah, tasawuf dan lain-lain.[1]

Syeikh Yasin al-Fadani telah menyusun banyak kitab berkaitan sanad-sanad periwayatan pada masa hidupnya. Kebanyakannya beliau terbitkan dengan menggunakan pembiayaan sendiri. Ada sekitar 70 buah karya yang telah disusunnya berhubung perkara ini. Karya-

---

[1] Lihat: Mukadimah Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani ke atas kitab: *Riyad Ahl al-Jannah bi Athar Ahl al-Sunnah*, 1985, Dimasyq: Dar al-Basa'ir, h. 8-9.

karya ini membuktikan kemahiran dan kebijaksanaan Syeikh Yasin al-Fadani dalam bidang ilmu sanad. Ia turut mempamerkan kekreatifan beliau dalam sudut kepelbagaian seni sanad. Dan pada perbincangan seterusnya dalam artikel ini, insya Allah, akan mendedahkan sudut berkenaan secara panjang lebar.

Antara kitab-kitab sanad yang telah disusun oleh beliau, dan di antaranya ada yang berjilid-jilid tebalnya;

1 -إتحاف البررة بأسانيد الكتب الحديثية العشرة

2 -أسانيد الكتب الحديثية السبعة

3 - الأسانيد المكية لكتب الحديث والسير والشمائل المحمدية

4 - بغية المريد في علوم الأسانيد (وهو ثبته الكبير في 4 أجزاء)

5 -تنوير البصيرة بطرق الإسناد الشهيرة

6 -الدر الفريد من درر الأسانيد

7 -العقد الفريد من جواهر الأسانيد

8 - الكواكب السيارة في الأسانيد المختارة

3. Keprihatinan terhadap sanad-sanad tokoh-tokoh tertentu

Di kalangan tokoh-tokoh ulama yang memiliki sanad-sanad periwayatan, ada di antara mereka yang membuku atau merekodkannya di dalam kitab sanad (seperti *thabat*), dan ada antara mereka yang tidak merekodkannya dalam sebarang buku, namun sanad-sanad tersebut kemudian ditulis dan dihimpunkan oleh murid-murid mereka atau *musnid-musnid* yang prihatin melalui usaha ikhtiar sendiri. Ada juga tokoh yang mempunyai kitab sanad, namun ianya tidak lengkap atau tidak tersusun, maka murid-muridnya atau *musnid-musnid* yang datang kemudian mengemaskini sanad-sanad yang diriwayatkannya. Ada juga yang cuba merekodkan jaringan sanad-sanad kepada seseorang tokoh itu.

Inilah antara yang dilakukan oleh Syeikh Yasin al-Fadani terhadap beberapa tokoh ulama yang memiliki sanad, seperti al-Kuzbari, Ibn Hajar al-Haytami, ‘Abd al-Baqi al-Ba‘li, Khalifah al-Nabhan, Sayyid

Muhsin al-Musawwa, Muhammad ‘Ali al-Maliki, ‘Umar Hamdan dan Ahmad al-Mukhallalati. Karya-karya tersebut adalah seperti berikut;

1 -بأسانيدي إلى الوجيه الكُزْبَرِي إتحاف الطالب السري

2 - أسانيد الفقيه أحمد بن محمد بن حجر الهيتمي المكي (ت 974هـ)، وهي إجازة للشيخ فضل بن محمد بن عوض بافضل التريمي.

3 - الوصل الراتي في ترجمة وأسانيد الشهاب أحمد المخللاتي

4 -فيض الإله العلي في أسانيد عبد الباقي البعلي الحنبلي

5 -فيض الرحمن في ترجمة وأسانيد الشيخ خليفة بن حمد آل نبهان

6 -فيض المهمين في ترجمة وأسانيد السيد محسن

7 -المسلك الجلي في أسانيد محمد علي بن حسين المالكي

8 -مطمح الوجدان في أسانيد الشيخ عمر بن حمدان – 3 أجزاء،

9- إتحاف الإخوان باختصار مطمح الوجدان من أسانيد الشيخ عمر حمدان

4. Keprihatinan terhadap pengijazahan sanad dan pandangan mengenainya

Syeikh Yasin al-Fadani mempunyai kekreatifan tersendiri dalam soal pengijazahan sanad, sama ada yang berbentuk ijazah khas, ijazah am ataupun ijazah mutlak. Berhubung ijazah khas, beliau didapati memberi perhatian istimewa kepada sebilangan tokoh ulama dan orang tertentu yang dirasakan kewibawaan mereka oleh beliau dengan menyusun kitab-kitab ijazah sanad yang khusus buat mereka. Antara mereka ialah ; Dr. Muhammad bin ‘Alawi al-Maliki, Syeikh Ayman Suwaid, Dr. Yahya Ghawthani, Syeikh ‘Abdullah al-Jarafi, Syeikh Muhammad Riyad al-Malih, al-‘Allamah Muhammad Zabarah, al-Sayyid Abu Bakr al-Habsyi, Syeikh Isma‘il Zain, al-Qadi Muhammad al-‘Umari, Syeikh Muhammad Taqiy al-‘Uthmani, al-Mufti al-Sayyid Ibrahim bin ‘Aqil, Dr. Mahmud Sa‘id Mamduh, Syeikh Zakariyya Bila, al-Sayyid Muhammad al-Hasyimi dan lain-lain.

Beliau telah menyusun kitab-kitab ijazah sanad yang khusus buat mereka dan setiap satunya pula memiliki ciri-ciri yang tidak ada pada lainnya. Sebagai contoh, ijazah beliau kepada Syeikh Muhammad Riyad al-Malih yang berjudul *al-Rawd al-Fa’ih*, di mana beliau telah menghimpunkan di dalam kitab tersebut secara khusus semua

gurunya yang berasal dari Syam (yakni Syria, Lubnan, Palestin dan Jordan sekarang) sahaja yang berjumlah seramai 101 orang syeikh serta kesemua sanad mereka.

Kitab-kitab ijazah khas yang tersebut ialah;

1 -إتحاف المستفيد بغرر الأسانيد (ويسمى إتحاف أولي النهى بإجازة الأخ الشيخ محمد طه)

2 -إجازة السيد محمد علوي المالكي

3 -إجازة الشيخ أيمن سويد

4 -إجازة الشيخ يحيى غوثاني

5- تذكار المصافي بإجازة الفخر عبد الله بن عبد الكريم الجرافي والصفي أحمد بن أحمد الجرافي.

6- الوافي بذيل تذكار المصافي بإجازة الفخر عبد الله الجرافي والصفي أحمد الجرافي.

6 -الروض الفائح وبغية الغادي والرائح بإجازة الأستاذ محمد رياض المالح

7 -السلاسل المختار بإجازة العلامة السيد محمد زبارة

8 -سلسلة الوصلة: مجموعة مختارة من الأحاديث المسلسلة (إجازة للقاضي السيد أبي بكر الحبشي)

9 -عقود اللجين في إجازة الشيخ إسماعيل عثمان زين

10 -فتح الرب المجيد فيما لأشياخي من فرائد الإجازات والأسانيد (وهي إجازة كبرى للنابغة القاضي محمد العمري).

11- النفحة المسكية في الأسانيد المكية (إجازة للنابغة القاضي محمد بن عبد الله العمري)

12 -فيض الباري بإجازة الوجيه السيد عبد الرحمن الأنباري

13 -الفيض الرحماني بإجازة الشيخ محمد تقي العثماني

14 -فيض المبدي بإجازة الشيخ محمد عَوض منقش الزبيدي

15 -قرة العين بإجازة الأستاذين

16 -القول الجميل في إجازة سماحة المفتي السيد إبراهيم بن عمر بن عقيل

17 -الكواكب الدراري في إجازة محمود بن سعيد القاهري

18 -المواهب الجزيلة والعقود الجميلة في إجازة العلامة البحاثة المشارك الشيخ أبي يحيى زكريا بن عبد الله بيلا

19 -نهج السلامة في إجازة الصفي أحمد أحمد سلامة

20 -الوصل السامي بإجازة السيد محمد الهاشمي

Karya-karya ini membuktikan bahawa Syeikh Yasin al-Fadani berjaya mencantum dan menggabungkan sanad-sanad periwayatan yang diterima daripada guru-guru beliau yang sangat ramai jumlahnya.

Beliau seringkali menggunakan simbol huruf *ha'* (ح) bagi menunjukkan perpindahan kepada sanad-sanad yang lain disebabkan banyaknya sanad-sanad periwayatan yang beliau miliki bagi sesuatu riwayat itu.

Manakala berhubung ijazah am pula, Syeikh Yasin al-Fadani boleh dikatakan seorang ahli hadis yang tidak lokek. Berulang kali beliau menyebut dalam beberapa kitab sanadnya pernyataan tentang pengijazahan sanad kepada semua orang yang hidup di zamannya, dengan objektif untuk memberi manfaat kepada para penuntut ilmu dan menyebarluaskan sanad-sanad periwayatan. Sebagai contoh, di akhir kitab *Waraqat fi Majmu'ah al-Musalsalat wa al-Awa'il wa al-Asanid al-'Aliyyah* beliau menyebut :

> هذا، وقد أجزنا بما في هذه ((الورقات)) كلَّ مَن أراد رواية ذلك عنَّا ممن أدرك حياتنا، وكذا غيره، مما تجوز لنا روايته، وتثبت عنا معرفته ودرايته.
>
> Terjemahan: "Demikianlah, dan kami telah ijazahkan dengan apa yang terkandung dalam kitab *al-Waraqat* ini semua orang yang ingin meriwayatkannya dari kami dari kalangan orang yang hidup semasa hayat kami, demikian juga yang lain, dari apa yang harus bagi kami meriwayatkannya, dan sabit pengetahuan dan pemahamannya dari kami". [1]

Di akhir kitab *al-'Ujalah fi al-Ahadis al-Musalsalah* beliau menyebut :

> وقد أجزت بها جميع أهل عصري ووقتي، ممَن أراد الرواية عني. اهـ
>
> Terjemahan: "Aku telah ijazahkan dengannya akan semua orang yang di zamanku dan masaku, dari kalangan orang yang ingin meriwayatkannya dariku". [2]

---

[1] Muhammad Yasin al-Fadani, 1401H, *Waraqat fi Majmu'ah al-Musalsalat wa al-Awa'il wa al-Asanid al-'Aliyyah*, Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, h. 31.

[2] Muhammad Yasin al-Fadani, 1985, *al-'Ujalah fi al-Ahadis al-Musalsalah*, c. 2, Dimasyq: Dar al-Basa'ir, h. 122.

Manakala di akhir kitab *al-Nafhah al-Miskiyyah* pula, ibarat ijazah beliau lebih luas lagi seperti berikut;

> وقد أجزت بالأوائل السنبلية خاصة، وبهذه النفحة المسكية بأسانيدنا المتصلة بها، وكذا بجميع مؤلفاتي ومروياتي، كلّ مَن أراد جميع ذلك ممن أدرك حياتي، أو وُلد في السنين المتممة لعقد وفاتي.اهـــ
>
> Terjemahan: "Aku telah ijazahkan dengan *al-Awa'il al-Sunbuliyyah* ini secara khusus, dan dengan *al-Nafhah al-Miskiyyah* dengan sanad-sanad kami yang bersambung dengannya, dan demikian juga semua karanganku dan riwayatku, akan semua orang yang inginkan semua itu dari kalangan orang yang hidup semasa hayatku, atau dilahirkan dalam tahun-tahun yang melengkapi dekad kewafatanku". [1]

Pandangan beliau ini tampaknya bertentangan dengan pendapat yang tidak mengharuskan ijazah am kepada semua orang yang masih hidup tanpa sebarang penentuan secara khusus. Secara ringkasnya, ia adalah masalah yang diperselisihkan oleh para ulama, dan secara zahir pula, Syeikh Yasin al-Fadani memilih pandangan yang mengharuskannya. Namun, majoriti berpendapat bahawa ijazah sebegini adalah jenis ijazah yang paling lemah.[2]

---

[1] Muhammad Yasin al-Fadani, *al-Nafhah al-Miskiyyah fi al-Asanid al-Muttasilah bi al-Awa'il al-Sunbuliyyah*, http://montada.gawthany.com/VB/showthread.php?t=20269.

[2] Berkenaan dengan ijazah am/umum kepada semua orang yang hidup pada masa hayat seseorang ahli hadis itu, al-Hafiz Ibn al-Salah menyebut dalam kitab *Muqaddimah*nya:

"النوع الثالث من أنواع الإجازة: أن يجيز لغير معين بوصف العموم، مثل أن يقول: "أجزت للمسلمين، أو: أجزت لكل أحد، أو: أجزت لمن أدرك زماني"، وما أشبه ذلك، فهذا نوع تكلم فيه المتأخرون ممن جوز أصل الإجازة، واختلفوا في جوازه: فإن كان ذلك مقيداً بوصف حاصر أو نحوه فهو إلى الجواز أقرب. وممن جوز ذلك كله الخطيب أبو بكر الحافظ، وروينا عن أبي عبد الله بن منده الحافظ، أنه قال: أجزت لمن قال: لا إله إلا الله، وجوز القاضي أبو الطيب الطبري، أحد الفقهاء المحققين - فيما حكاه عنه الخطيب - الإجازة لجميع المسلمين، من كان منهم موجوداً عند الإجازة. وأجاز أبو محمد بن سعيد، أحد الجِلّة من شيوخ الأندلس: لكل من دخل قرطبة من طلبة العلم. ووافقه على جواز ذلك منهم أبو عبد الله بن عتاب، رضي الله عنهم. وأنبأني من سأل الحازمي أبا بكر عن الإجازة العامة هذه، فكان من جوابه: أن من أدركه من الحفاظ - نحو أبي العلاء الحافظ الهمذاني العطار وغيره - كانوا يميلون إلى الجواز، والله أعلم. قال: و لم نر و لم نسمع عن أحد ممن يقتدى به أنه استعمل هذه الإجازة فروى بها، ولا عن الشرذمة المستأخرة الذين سوغوها. والإجازة في أصلها ضعف، وتزداد بهذا التوسع والاسترسال ضعفاً كثيراً لا ينبغي احتماله، والله أعلم". انتهى

قال كاتب هذه السطور: هكذا قال ولكن الحق أن كثيرين ممن يقتدى بهم استعملوها ورووا بها، ومنهم غير مَن مرَّ ذكره: أبو طاهر السلفي ، وأبو الفتح نصر المقدسي، وعبدالعزيز الكناني، وعبدالغني المقدسي، وأبو بكر ابن خير الإشبيلي، وأبو الفتح المستملي، وابن دحية، وأبو الحسن القفطي، أبو الوليد ابن رشد المالكي، والنووي، والدمياطي، وابن دقيق العيد، وابن كثير، وابن الحاجب، وابن جماعة، وأبو الحجاج المزي، والفخر ابن البخاري، وأبو سعيد العلائي، والنجم ابن فهد الهاشمي، والقطب محمد بن أحمد القسطلانى، والسيوطي وابن حجر الهيتمي وإبراهيم بن حسن الكوراني ومحمد عابد السندى وآخرون - رحمهم الله -، وقال السخاوي في " فتح المغيث" (2/ 416): "حتى أنه لكثرة مَن جوزها؛ أفردهم الحافظ أبو جعفر محمد بن الحسين البغدادي الكاتب في تصنيف رتبهم فيه على حروف المعجم،

5. Keprihatinan terhadap kitab-kitab periwayatan sanad, khususnya *awa'il*, *thabat*, dan *arba'inat*

Kitab yang menghimpunkan sanad-sanad periwayatan seseorang alim hadis disebut dengan berbagai istilah, seperti *thabat* (jamaknya *athbat*), *fahrasah* atau *fihris* (jamaknya *faharis*), *mu'jam* (puralnya *ma'ajim*), *barnamij*, dan *masyyakhah*. Menurut Syeikh 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani, orang terdahulu memberikan istilah *masyyakhah* bagi kitab yang menghimpunkan nama-nama guru dan riwayat-riwayat seseorang ahli hadis, kemudian mereka menamakannya pula selepas itu sebagai *mu'jam* kerana nama-nama guru disusun mengikut huruf hija'iyyah. Maka, banyaklah digunapakai istilah *mu'jam* dengan *masyyakhah* ini. Penduduk Andalus pula menggunapakai istilah *barnamij*. Kemudian pada abad-abad kebelakangan, ahli *masyriq* (dunia Islam sebelah timur) sehingga sekarang menyebutnya sebagai *thabat*, manakala ahli *maghrib* (dunia Islam sebelah barat) pula sehingga sekarang menyebutnya sebagai *fahrasah*.[1]

Syeikh Yasin al-Fadani mempunyai banyak riwayat bagi kitab-kitab seumpama ini. Beliau juga memberi perhatian khusus kepada beberapa buah darinya, di mana beliau menerbitkannya semula sama ada dalam bentuk ringkasan, tahkik, tashih ataupun ulasan ke atasnya. Antaranya ialah;

1- اختيار واختصار رياض أهل الجنة بآثار أهل السنة لعبد الباقي البعلي

2 -تعليقات على ثبت الشنواني

3 -تعليقات على ثبت الشبراوي

4 -تعليقات على ثبت الكزبري الحفيد

5 -تعليقات على "حسن الوفا لإخوان الصفا، ثبت الشيخ فالح بن محمد الظاهري المهَنَّوِي" (ت 1328هـ).

وكذا جمعهم أبو رشيد ابن الغزال الحافظ (631هـ) في كتاب سماه : الجمع المبارك". اهـ، فقد تورع أئمة من أهل الحديث عن إجازة أهل العصر مع عدم إنكارها، كالعراقي، وتلميذه ابن حجر العسقلاني، وتلميذه السخاوي؛ كل ذلك منهم خوفاً من التوسع فيها، لا لعدم جوازها، والله تعالى أعلم. وقد صنف السيد عبدالرحمن بن طه الحبشي – حفظه الله - كتاباً سماه: "وبل الغمامة في ذكر مَن أجاز أهل عصره إجازة عامة"، وهو يقع في أكثر من 400 صفحة.

[1] 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani, 1982, *Fihris al-Faharis wa al-Athbat*, c. 2, tahqiq: Dr. Ihsan 'Abbas, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, j. 1, h. 67.

6- " تعليقات على كفاية المستفيد لما علا من الأسانيد للترمسي".

7 -الدر النثير في الاتصال بثبت الأمير.

8-الروض النضير في اتصالاتي ومجموع إجازات مشايخي بثبت الأمير

9-نهاية المطلب تعليقات على "سد الأرب في علوم الإسناد والأدب للأمير المالكي"، أو إتحاف السمير بأوهام ما في ثبت الأمير.

10-المقتطف من "إتحاف الأكابر بأسانيد المفتي عبد القادر"، تخريج محمد هاشم بن عبد الغفور السندي.

11- "الجامع الحاوي في مرويات الشرقاوي"، عبد الله بن حجازي (ت 1227هـ).

Kitab-kitab yang disebut *awa'il*[1] juga dapat dimasukkan dalam kumpulan kitab di atas. Kitab *awa'il* yang paling masyhur ialah kitab *al-Awa'il al-Sunbuliyyah* susunan Syeikh Muhammad Sa'id Sunbul (m. 1175H) yang telah mendapat tumpuan ramai ahli ilmu dan para pencinta sanad. Bukti kemasyhurannya dapat dilihat di dalam riwayat Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani, di mana beliau telah meriwayatkan kitab ini daripada 39 orang syeikh yang dihimpunkan kesemua sanad mereka di dalam risalah kecil berjudul *al-Nafhah al-Miskiyyah fi al-Asanid al-Muttasilah bi al-Awa'il al-Sunbuliyyah*. Jumlah keseluruhan perawi yang terdapat di dalam risalah ini adalah sekitar 190 orang, iaitu antara murid-murid Syeikh Muhammad Sa'id Sunbul sehingga guru-guru Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani. Kebanyakan mereka terdiri daripada alim ulama besar yang berasal dari berbagai tempat di dunia Islam seperti Hijaz, Syria, Mesir, Maghribi, Yaman, India, dan juga Nusantara. Selain dari risalah berkenaan, beliau turut menyusun karya-karya berikut:

1 -تعليقات على الأوائل السنبلية

2- العجالة المكية في أسانيد سعيد سنبل إلى مؤلّفي الكتب الحديثية في أوائله

3 -تعليقات على الأوائل العجلونية

[1] *Al-Awa'il* ialah sejenis kitab yang menghimpunkan hadis-hadis pertama yang terdapat dalam beberapa atau sejumlah kitab-kitab hadis. Tujuan kitab *al-Awa'il* disusun ialah bagi memudahkan penyusunnya mengijazahkan kitab-kitab hadis yang diriwayatkan dengan bersanad kepada murid-muridnya atau sesiapa sahaja yang ingin meminta ijazah daripadanya serta layak untuk menerimanya. Maka sesiapa yang meriwayatkan kitab *al-Awa'il* ini bermakna sanadnya bersambung secara langsung dengan penyusun-penyusun kitab-kitab hadis tersebut, dan seterusnya bersambung dengan Rasulullah SAW.

Syeikh Yasin al-Fadani turut mengambil berat terhadap kitab-kitab *arba'inat*, iaitu kitab yang menghimpunkan 40 buah hadis di dalamnya berdasarkan objektif tertentu. Beliau telah menyusun banyak siri *arba'inat*. Antara yang dihasilkan dan diterbitkan oleh beliau secara berasingan;

1- الأربعون البلدانية : أربعون حديثاً عن أربعين شيخاً من أربعين بلداً

2- أربعون حديثاً مسلسلة بالنحاة إلى الجلال السيوطي

3- الأربعون حديثاً من أربعين كتاباً عن أربعين شيخاً

4- شرح الجوهر الثمين في أربعين حديثاً من أحاديث سيد المرسلين للعجلوني

5- ورقات على الجوهر الثمين في أربعين حديثاً من أحاديث سيد المرسلين للعجلوني

6. Keprihatinan terhadap riwayat-riwayat musalsal dan sanad-sanad *'ali*.

Hadis *musalsal* ialah hadis yang diriwayatkan secara berantai-rantai dengan sesuatu ciri, sifat atau situasi yang sama daripada awal sanad sehinggalah ke akhirnya. Jenis hadis ini mendapat perhatian istimewa di kalangan ulama mutaakhirin sehingga disusunkan kitab-kitab khusus untuknya. Ia turut diberi perhatian istimewa oleh Syeikh Yasin al-Fadani. Selain terhimpun dalam banyak karya-karyanya, beliau juga telah menghasilkan secara khusus beberapa buah kitab yang berkaitan dengannya, iaitu;

1- إتحاف أولي الهمم العلية بالكلام على الحديث المسلسل بالأولية

2- أربعون حديثاً مسلسلة بالنحاة إلى الجلال السيوطي

3- سلسلة الوصلة: مجموعة مختارة من الأحاديث المسلسلة (إجازة للقاضي السيد أبي بكر الحبشي)

4- شرح المسلسل بالعترة الطاهرة

5- العُجالة في الأحاديث المسلسلة

6- ورقات في مجموعة المسلسلات والأوائل والأسانيد العاليات

Beliau telah meriwayatkan hadis-hadis *musalsal* ini daripada ramai guru, serta lengkap dengan semua amali periwayatannya. Sebagai contoh hadis *musalsal* riwayat Syeikh Yasin al-Fadani, diberikan di

bawah hadis *musalsal* yang paling sahih sekali di sisi ulama hadis dari riwayat beliau, iaitu hadis *musalsal* dengan Surah al-Saff;[1]

الحديث المسلسل بسورة الصف

أنا بها جمع من الأئمة، منهم: الشيخ عمر حمدان المحرسي والشيخ خليفة بن حمد النبهاني والشيخ علي بن فالح الظاهري، عن والد الأخير الشيخ فالح بن محمد الظاهري المدني، عن الشريف محمد بن علي السنوسي الخطّابي، عن علي الميلي الأزهري، عن السيد مرتضى الزَبيدي عن نور الدين أبي الحسن بن مكرم الله العدوي، عن الشمس محمد بن عقيلة، عن أحمد بن محمد النخلي، عن الفقيه المحدث الشمس محمد بن علاء الدين البابلي، عن أحمد بن محمد الشلبي الحنفي، عن النجم محمد بن أحمد الغيطي، عن الشيخ زكريا الأنصاري، عن الحافظ أبي النَّعيم رضوان بن محمد العقبي، أنا أبو إسحاق التنوخي، أنا أحمد بن أبي طالب، أنا أبو المنجا ابن عمر اللُّتي البغدادي، أنا أبو الوقت السجزي، أنا أبو الحسن الداودي، أنا أبو محمد السرخسي، أنا أبو عمران السمرقندي، أنا أبو محمد الدارمي في مسنده، أنا محمد بن كثير، عن الأوزاعي، عن يحيى هو ابن أبي كثير، عن أبي سلمة هو ابن عبد الرحمن بن عوف، عن عبد الله بن سلام قال: قعدنا نفراً من أصحاب رسول الله ﷺ فتذاكرنا، فقلنا: لو نعلم أي الأعمال أقرب إلى الله عز وجل لعملناه. فأنزل الله عز وجل: {سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ}، حتى ختمها. قال عبد الله بن سلام: قرأها علينا رسول الله حتى ختمها. قال أبو سلمة: فقرأها علينا ابن سلام حتى ختمها. وهكذا قال كل واحد من الراوة حتى وصل إلينا، فقرأها علينا أشياخنا المذكورون حتى ختموها.

Perhatian istimewa juga diberikan oleh ulama mutaakhirin terhadap sanad-sanad yang *'ali* (tinggi). Sanad *'ali* ialah sanad sebuah riwayat yang sedikit bilangan perawi di dalam rantaiannya iaitu antara seseorang perawi hingga sampai kepada Rasulullah SAW, di mana jika ramai bilangan perawi di dalam rantaian sanad tersebut pula, maka ia dinamakan sebagai sanad *nazil* (rendah). Syeikh Yasin al-Fadani turut memberikan perhatian kepada riwayat jenis ini. Selain

[1] Muhammad Yasin al-Fadani, 1985, *al-'Ujalah fi al-Ahadis al-Musalsalah*, c. 2, Dimasyq: Dar al-Basa'ir, h. 22.

terhimpun dalam banyak karya-karyanya, beliau juga telah menyusun kitab (الرياض النضرة في أسانيد عالية للكتب الحديثية العشرة). Dikatakan, sanad *'ali* ulama Hijaz berakhir kepada tiga orang tokoh iaitu, pertama; Syeikh Mulla Ibrahim al-Kurani, kedua; Syeikh Falih al-Zahiri, dan ketiga; Syeikh 'Umar Hamdan al-Mahrisi.[1] Sanad ketiga-tiga mereka ini semua dimiliki oleh Syeikh Yasin al-Fadani. Sanad-sanad *'ali* beliau ini juga telah direkodkan oleh muridnya, Syeikh Mahmud Sa'id Mamduh di dalam kitab: (إعلام القاصي والداني ببعض ما علا من أسانيد الفاداني).

Justeru, kewafatan beliau menjadikan jarak sanad hadis melalui jalan beliau lebih jauh satu peringkat dengan Rasulullah SAW berbanding sebelumnya. Justeru, tidak terkejut jika Syeikh Yasin al-Fadani pada masa hayatnya selalu diburu oleh pencinta sanad hadis untuk mendapatkan silsilahnya yang lebih tinggi. Menurut pengajian ini, semakin kurang jumlah periwayat dalam isnad semakin tinggi nilai kesahihan sesebuah hadis dan semakin akrab pula dengan Rasulullah SAW.[2]

7. Pandangan dalam pen*tashih*an dan pen*tad'if*an hadis-hadis

Pen*tashih*an dan pen*tad'if*an hadis-hadis bukanlah suatu tugas yang enteng. Seseorang pengkritik hadis sebelum melakukan pen*tashih*an dan pen*tad'if*an hadis mestilah mahir menguasai semua disiplin *'ulum al-hadis* (ilmu-ilmu hadis) supaya hukum yang dikeluarkan olehnya dianggap autentik dan bernilai. Meskipun begitu, ada tiga jenis pengkritik hadis yang wujud di kalangan ulama ;

1. Golongan *mutasyaddid*, iaitu mereka yang agak keras dan ketat dalam soal pen*tashih*an dan pen*tad'if*an.
2. Golongan *mutawassit*, iaitu mereka yang agak sederhana dalam soal pen*tashih*an dan pen*tad'if*an.
3. Golongan *mutasahil*, iaitu mereka yang agak longgar dalam soal pen*tashih*an dan pen*tad'if*an.

---

[1] Anas Ya'qub Kutubi, 1993, *A'lam min Ard al-Nubuwwah*, al-Madinah al-Munawwarah: t.n.p., j. 1, h. 176.

[2] Abdul Hayei Abdul Sukor, Dr., *Muhammad Yassin Isa al-Fadani 1916–1990M/1335–1410H*, http://www.drhayei.com/2010/07/tokoh-islam.html

Dalam berhadapan masalah pen*tashih*an dan pen*tad'if*an ini, ada tiga macam pula pendirian ulama terhadapnya;

1- Ada ulama yang hanya berpada dengan hukum-hukum hadis yang telah dikeluarkan oleh ulama-ulama hadis terdahulu.
2- Ada sebahagian ulama pula tidak hanya berpada dengan hukum-hukum hadis yang telah dikeluarkan oleh ulama-ulama hadis terdahulu, lantas mereka mengkaji dan menyelidik setiap hadis yang digunakan serta mengeluarkan sendiri hukumnya.
3- Ada sebahagian lagi, mereka berpada dengan hukum-hukum hadis yang telah dikeluarkan oleh ulama-ulama hadis terdahulu pada suatu ketika, dan pada ketika yang lain pula mereka melakukan kajian ke atas hadis-hadis yang digunakan serta mengeluarkan sendiri hukumnya menurut keperluan.

Meneliti kepada karya-karya Syeikh Yasin al-Fadani, barangkali beliau dapat dikelaskan dalam kategori ketiga di atas. Ini kerana beliau adakalanya berpada dengan hukum-hukum hadis yang telah dikeluarkan oleh ulama-ulama hadis terdahulu, dan adakalanya pula beliau melakukan kajian ke atas hadis-hadis yang digunakan serta mengeluarkan sendiri hukumnya. Bagaimanapun, kedudukan beliau barangkali dapat dikategorikan berada di antara golongan *mutawassit* dan golongan *mutasahil* sekaligus kerana ciri kedua-dua golongan tersebut dapat kita temukan apabila kita meneliti hasil tulisan-tulisan beliau.

Contoh 1:
Ulasan Syeikh Yasin al-Fadani pada hadis:

لا تقوم الساعةُ حتى لا تنطح ذَاتُ قرنٍ جمّاء.

> Terjemahan: "Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah seekor kambing yang bertanduk tidak lagi menanduk kambing yang tidak bertanduk".

Hadis yang hasan *isnad*nya. Diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad*nya dari 'Ammar. [1]

Contoh 2:
Ulasan Syeikh Yasin al-Fadani pada hadis:

مَن صافحني أو صافح مَن صافحني إلى يومِ القيامة دَخَلَ الجنَّة.

Terjemahan: "Barangsiapa yang bersalam (berjabat tangan) denganku, atau bersalam dengan orang yang bersalam denganku sehingga ke hari kiamat, akan masuk ke syurga".

Sangat daif. Kata al-Hafiz Ibn Hajar: Semua jalan-jalan riwayatnya tidak sunyi dari keraguan, walaupun al-Mu'ammar sendiri (sk). Namun, tidak mengapa berdasarkan berbaik sangka bagi menyebutnya dan menyandarkan jalan-jalan riwayatnya. [2]

Namun sebagai manusia biasa tentunya tidak lari dari kekurangan-kekurangan, ini kerana adakalanya beliau tidak memberikan sebarang hukum kepada hadis-hadis yang dimuatkan dalam karya-karyanya, dan hadis-hadis tersebut terus ditinggalkan tanpa sebarang hukum ke atasnya, sama ada sahih ataupun tidak. Maka hal ini perlu diberi perhatian oleh mereka yang ingin menelaah dan mengkaji karya-karya beliau.

8. Keprihatinan terhadap ilmu *al-rijal* dan *al-ruwat*

Ilmu *al-rijal* dan *al-ruwat* adalah antara elemen penting dalam kajian sanad. Ilmu *al-rijal* asalnya secara khusus adalah berkaitan tentang hadis bagi memastikan sejauhmana tahap kebolehpercayaan terhadap para perawi yang meriwayatkan hadis-hadis Nabi SAW. Ilmu ini kemudian berkembang dengan meluas sehingga bukan sekadar terbatas kepada bidang periwayatan hadis semata-mata, bahkan mencakupi bidang-bidang ilmu lain yang turut dinukilkan

---

[1] Muhammad Yasin al-Fadani, 1401H, *Waraqat fi Majmu'ah al-Musalsalat wa al-Awa'il wa al-Asanid al-'Aliyyah*, Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, h. 12.
[2] *Ibid*.

secara periwayatan dan bersanad. Tentunya dengan mengetahui kedudukan para perawi atau tokoh-tokoh dalam bidang-bidang tersebut dapat mengukuhkan lagi tahap kebolehpercayaan kita terhadap keaslian dan ketulenannya.

Menelaah karya-karya Syeikh Yasin al-Fadani, baik yang disusun sendiri mahupun yang ditahkik olehnya, tidak syak lagi membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang mahir dengan seni ilmu *al-rijal* dan *al-ruwat*, terutamanya berhubung para perawi mutaakhirin. Sebagai misalnya, beliau telah merekodkan biografi 40 orang guru Syeikh ʻUmar Hamdan (m. 1368H) berserta sanad-sanad mereka di dalam kitab *Matmah al-Wijdan fi Asanid al-Syaykh ʻUmar Hamdan* yang setebal 3 juzuk, dan oleh kerana kitab tersebut terlalu besar, beliau telah meringkaskannya pula di dalam kitab *Ithaf al-Ikhwan bi Ikhtisar Matmah al-Wijdan*.[1] Dalam ijazahnya kepada Syeikh Muhammad Taqiy al-ʻUthmani pula, beliau telah menyenaraikan 75 orang gurunya berserta kedudukan ilmiah dan tarikh kewafatan setiap seorang daripada mereka.[2]

Begitu juga penekanan diberikan kepada tokoh-tokoh yang berumur panjang dengan gelaran *al-muʻammar* (المعمّر) di awalnya, dan dalam membaris nama-nama dan gelaran-gelaran para perawi dalam sanad agar tidak tersalah sebutannya. Contoh-contoh sebegini banyak ditemukan dalam karya-karya Syeikh Yasin al-Fadani yang membuktikan bahawa beliau amat prihatin terhadap para perawi yang terdapat di dalam sanad-sanadnya. Ini menunjukkan bahawa beliau bukanlah sekadar seorang perawi biasa yang meriwayatkan sanad-sanad tanpa mengambil berat terhadap siapa perawi-perawi di dalam rantaiannya atau bagaimana kedudukan mereka, tetapi sebaliknya beliau adalah seorang pakar dalam ilmu sanad dan juga *al-rijal*.

Sedikit sebanyak usaha para ulama seumpama beliau ini mengingatkan kita kepada peranan tokoh-tokoh besar ilmu *al-rijal*

---

[1] Muhammad Yasin al-Fadani, *Ithaf al-Ikhwan bi Ikhtisar Matmah al-Wijdan*, Beirut: Dar al-Basa'ir, h. 15.
[2] Muhammad Yasin al-Fadani (1986), *al-Fayd al-Rahmani bi Ijazah al-Shaykh Muhammad Taqiy al-ʻUthmani*, Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, h. 4.

dan *al-ruwat* dahulu seperti al-Khatib al-Baghdadi, Ibn ‘Asakir, al-Mizzi, al-Dhahabi, al-Hafiz Ibn Hajar, al-Suyuti dan lain-lain, dalam merekodkan maklumat dan biografi kesemua tokoh-tokoh ilmuwan Islam. Ini kerana dikatakan kecemerlangan ilmu hadis mula malap pada kurun ke-10 Hijrah. Maka dengan usaha para ulama seperti Syeikh Yasin al-Fadani ini kita tidak kehilangan maklumat atau biografi tokoh-tokoh mutaakhirin, terutamanya selepas kurun ke-10 Hijrah yang merupakan kesinambungan daripada tokoh-tokoh sebelum kurun berkenaan. Dengan rekod ini, kita mampu membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa pertalian ilmu-ilmu Islam ini sebenarnya tidak pernah terputus walau sedikit pun.

Meskipun Syeikh Yasin al-Fadani tidak menyusun sebuah kitab ilmu *al-rijal* dan *al-ruwat* dalam bidang hadis secara khusus, kecuali barangkali kitab *Qurrah al-‘Ain fi Asanid A‘lam al-Haramain* yang belum dapat ditelaah, namun beliau telah menyusun beberapa buah kitab yang berkaitan mengenainya dalam bidang-bidang disiplin yang lain, iaitu fiqh, usul, falak dan juga bahasa Arab. Karya-karya berkenaan ialah;

1- طبقات الشافعية الصغرى

2- طبقات الشافعية الكبرى

3-طبقات علماء الأصول والقواعد الفقهية

4-طبقات علماء الفلك والميقات

5-طبقات مشاهير النحاة وتسلسل أخذهم

9. Keprihatinan terhadap hadis dan tokoh-tokohnya di Nusantara.

Mungkin dapat dikatakan bahawa Syeikh Yasin al-Fadani adalah antara orang terawal yang mengambil berat mengenai kedudukan sanad-sanad hadis Nusantara dan juga tokoh-tokohnya. Tanpa usaha beliau barangkali masyarakat luar alam Melayu tidak mengenali sama sekali peranan dan sumbangan tokoh-tokoh dari Nusantara. Syeikh Yasin al-Fadani telah memelihara dan merekodkan sanad-sanad Nusantara ini di dalam karya-karya beliau, ataupun dengan menyelenggara dan menerbitkan kitab-kitab sanad mereka.

Melaluinya perawi-perawi Arab dan bukan Melayu mengenal istilah '*kiyahi*' dalam bahasa Jawa yang bermakna; syeikh, ustaz, atau orang alim, nama-nama tempat dan nama-nama tokohnya seperti ; Syeikh Nawawi bin 'Umar al-Bantani, Syeikh 'Abd al-Samad bin 'Abd al-Rahman al-Falimbani, Kiyahi Hasyim bin Asy'ari al-Jombangi, 'Aqib bin Hasan al-Din al-Falimbani, Kiyahi Jam'an bin Samun al-Tanqarani, Uhaid @ Ahyad bin Idris al-Bogori, Kiyahi Ma'sum bin Ahmad al-Lasami, Kiyahi Baydawi bin 'Abd al-'Aziz al-Lasami, Kiyahi Baqir bin Nur al-Jogjawi, Mahfuz bin 'Abdullah al-Tarmasi, Kiyahi Khalil bin 'Abd al-Latif al-Bankalani, Kiyahi 'Abd al-Muhit bin Ya'qub al-Sidarjawi, Kiyahi 'Umar bin Salih al-Samarani, 'Ali bin 'Abdullah al-Banjari, Hasan bin 'Abd al-Syakur al-Sarbawi, Zain al-Din al-Sumbawi, Mahmud bin Kenan al-Falimbani, Arsyad bin 'Abd al-Samad al-Banjari, Tayyib bin Ja'far al-Falimbani, 'Abdullah bin Azhari al-Falimbani, Kiyahi Ahmad Marzuki bin Hamid al-Suwahani, Kiyahi Muhammad bin Yasin al-Fakalonkani, Haji 'Abd al-Hamid bin Zakaria al-Betawi, Syeikh Muhsin bin Raden Muhammad al-Sirangi, Kiyahi Siddiq bin 'Abdullah al-Lasami, Kiyahi Hasan bin Kiyahi Syams al-Din al-Qanquni, Kiyahi Bakri bin Sida al-Bantani, Qadhi Musa bin Ibrahim al-Melakawi, Qadhi Abu Bakar bin Hasan al-Muari, Syeikh 'Uthman bin 'Abd al-Wahhab al-Sarawaqi, Syeikh Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani dan lain-lain.

Ada juga tokoh Nusantara yang dijoloki oleh Syeikh Yasin al-Fadani dengan gelaran ahli hadis seperti *Muhaddith Surabaya* bagi Syed Syeikh bin Ahmad Bafaqih. Menurut beliau, *muhaddith* di zaman mutakhir, dengan makna seorang *musnid* yang luas periwayatannya, dan memperolehi banyak kitab sanad dan *fihris* secara bersambung daripada tokoh-tokoh timur dan barat, dapat diungkapkan kepada kira-kira 130 orang alim ulama Nusantara. Antara yang paling banyak sanad periwayatannya ialah Muhaddith Syeikh 'Aqib bin Hasan al-Din al-Falimbani (m. 1182H), Syeikh 'Abd al-Samad bin 'Abd al-Rahman al-Falimbani (m. 1211H), Syeikh 'Abd al-Ghani bin Subuh al-Bimawi, Syeikh Mahfuz bin 'Abdullah al-Tarmasi (m. 1338H), Syeikh 'Abd al-

Hamid Kudus, Syeikh Mukhtar bin ‘Atarid al-Bogori dan Syed Salim Jindan.[1]

Berikut adalah contoh *sanad musalsal* dengan perawi-perawi Indonesia bagi *thabat* Syeikh Muhammad bin ‘Ala’ al-Din al-Babili:[2]

علي بن عبد الله البنجري وحسن بن عبد الشكور السرباوي، كلاهما مسلسلاً بالإندونسيين، عن زين الدين الصومباوي، عن المعمر نووي بن عمر البنتني، عن محمود كنان الفلمباني وأرشد بن عبد الصمد البنجري، كلاهما عن المعمر عبد الصمد بن عبد الرحمن الآشي الفلمباني، عن المعمر عاقب بن حسن الدين الفلمباني نزيل المدينة المنورة، عن عمّه طيب بن جعفر الفلمباني، عن أبيه جعفر بن محمد بن بدر الدين الفلمباني، عن المسند الشمس محمد بن علاء الدين البابلي بما في ثبته.اهـ

10. Keprihatinan terhadap *sanad* ilmu-ilmu lain selain hadis

Para ulama bukan sahaja mengambil berat mengenai sanad-sanad hadis, malah mereka juga terutama ulama mutaakhirin mengambil berat mengenai sanad-sanad ilmu-ilmu lain seperti al-Quran, qiraat, fiqh, akidah, tasawuf, bahasa Arab dan sebagainya. Antara karya-karya berkaitan yang disusun oleh Syeikh Yasin al-Fadani ialah;

1 -الإرشادات السوّية في أسانيد الكتب النحوية والصرفية

2 -أسمى الغايات في أسانيد الشيخ إبراهيم الخُزامي في القراءات

3 - تشنيف المسامع بختم كتاب جمع الجوامع للسبكي

4 -طبقات مشاهير النحاة وتسلسل أخذهم

5 -مشجرة بأسانيد الفقه الشافعي

Sanad-sanad ilmu-ilmu lain ini juga terdapat dalam kitab-kitab sanad yang disusun dan diriwayatkan oleh Syeikh Yasin al-Fadani, antaranya seperti dalam kitab (بغية المريد في علوم الأسانيد), (رياض أهل الجنة للعلامة عبد الباقي البعلي), (كفاية المستفيد للشيخ الترمسي), (الوافي بذيل تذكار المصافي) dan lain-lain.

---

[1] Lihat ulasan Muhammad Yasin al-Fadani dalam: *Kifayah al-Mustafid lima ‘Ala min al-Asanid* oleh Syeikh Mahfuz bin ‘Abdullah al-Tarmasi, Beirut: Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah, h. 6.

[2] Muhammad Yasin al-Fadani, 1401H, *Waraqat fi Majmu‘ah al-Musalsalat wa al-Awa’il wa al-Asanid al-‘Aliyyah*, Kaherah: al-Matba‘ah al-Salafiyyah, h. 29.

PENUTUP

Dalam membicarakan ketokohan dan sumbangan Syeikh Yasin al-Fadani dalam disiplin ilmu hadis secara lengkap sebenarnya tidak dapat diungkapkan dalam sebuah artikel ringkas seperti ini. Ia dianggap hanya sekadar mampu mendedahkan sebahagian kecil sahaja daripadanya, tanpa menafikan kekurangan yang ada seperti pengulangan fakta yang sama dalam beberapa buah kitab, meskipun ia memberi faedah khusus yang lain. Walaubagaimana secara umum, sehingga kini, menurut pengamatan penulis belum ada lagi tokoh dari alam Melayu yang dapat menandingi ketokohan Syeikh Yasin al-Fadani dari sudut ilmu *riwayah al-hadis*, terutamanya bidang periwayatan sanad, bahkan tidak ramai pun tokoh dunia Islam yang seperti beliau. Dengan usaha tokoh-tokoh hadis seperti beliau inilah, umat Islam pada hari ini dapat berbangga dengan warisan khazanah pelbagai ilmu, khususnya ilmu hadis, yang kita warisi secara bersambung-sambung daripada nenek moyang kita, dari satu generasi ke satu generasi, yang tidak kita temukan tolok bandingnya pada umat-umat lain. Pemeliharaan sanad adalah satu seni ilmu dan sejarah yang wajar kita banggakan. Kalaulah tidak ada faedah lain daripada usaha tersebut kecuali barakah daripada Allah Taala semata-mata, nescaya itu sudah memadai. Namun, bagaimana tidak, sedangkan ianya mempunyai banyak faedah lain yang dapat diperolehi bagi mereka yang mampu meneliti dengan lebih halus dan teliti.[1] Wallahu a'lam.

Rujukan:

'Abd al-Baqi al-Ba'li al-Dimasyqi, 1985, *Riyad Ahl al-Jannah bi Athar Ahl al-Sunnah*, ikhtisar: Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani, Dimasyq: Dar al-Basa'ir.

Abdul Hayei Abdul Sukor, Dr., *Muhammad Yassin Isa al-Fadani 1916–1990M/1335–1410H*, http://www.drhayei.com/2010/07/tokoh-islam.html

'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani, 1982, *Fihris al-Faharis wa al-Athbat*, c. 2, tahqiq: Dr. Ihsan 'Abbas, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Fayad al-'Absu, *al-Syaykh Muhammad Yasin al-Fadani al-Makki (1916-1990)*, http://fayad-.maktoobblog.com/

Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, Dr. (2003), *'Ulum al-Hadis Asiluha wa Mu'asiruha*, Selangor: Dar al-Syakir.

Mahfuz bin 'Abdullah al-Tarmasi, *Kifayah al-Mustafid lima 'Ala min al-Asanid*, ta'liq: Muhammad Yasin al-Fadani, Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.

[1] Kewujudan sanad sehingga ke hari ini, bukan sekadar untuk *tabarruk* (mengambil berkat) dan *zikra* (kenangan) semata-mata. Ia adalah sirah, sejarah, anugerah, fadhilat, rahmat, toma'ninah, *khauf wa raja'* (takut dan harap), adab, syiar, iktibar, *sakinah* (ketenangan), *'izzah* dan lain-lain faedah ilmu dan rohani buat kita. *Wal-hamdulillah.*

Martin van Bruinessen (1999), *Kitab Kuning, Pesantren, dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia,* cet. 3. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan.

Muhammad ‘Ali Yamani, *al-Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani (1335-1410)*, http://www.makkawi.com/Articles/show.aspx?Id=323

Muhammad Yasin al-Fadani, 1401H, *Waraqat fi Majmu‘ah al-Musalsalat wa al-Awa’il wa al-Asanid al-‘Aliyyah*, Kaherah: al-Matba’ah al-Salafiyyah.

Muhammad Yasin al-Fadani, 1985, *al-‘Ujalah fi al-Ahadis al-Musalsalah*, c. 2, Dimasyq: Dar al-Basa’ir.

Muhammad Yasin al-Fadani, *Ithaf al-Ikhwan bi Ikhtisar Matmah al-Wijdan*, Dimasyq: Dar al-Basa’ir.

Muhammad Yasin al-Fadani, 1997, *al-Fawa’id al-Janiyyah*, dengan mukadimah Ramzi Dimasyqiyyah, Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.

Muhammad Yasin al-Fadani, 2008, *Asanid wa Ijazat wa Musalsalat al-Fadani*, Beirut: Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah.

Yahya al-Ghawthani, Dr., *Tarjamah Mukhtasarah li Musnid al-‘Asr al-Syaykh Muhammad Yasin al-Fadani*, http://montada.gawthany.com/vb/showthread.php?t=20557&highlight=%C7%E1%DD%C7%CF%C7%E4%ED

Yusuf al-Mar‘asyli, Dr., 2006, *‘Iqd al-Jawhar fi ‘Ulama’ al-Rub‘ al-Awwal min al-Qarn al-Khamis ‘Asyar*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah.